



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2006

PENGUMUMAN HARI KELEPASAN DARI BEKERJA KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi kelepasan dari bekerja kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

PELAKSANAAN


2. Kerajaan telah memutuskan supaya pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan diberi kelepasan dari bekerja pada hari Isnin, 23 Oktober 2006.

3. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dikehendaki menjalankan Kerja Lebih Masa pada hari berkenaan hendaklah menuntut Bayaran Lebih Masa pada kadar Hari Rehat Biasa.

PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

5 Oktober 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan